AKPK PERTINGKAT LITERASI KEWANGAN, BANTU RAKYAT KAWAL HUTANG

MUKADIMAH

KETIKA tekanan kos sara hidup dan ketidaktentuan ekonomi terus memberi cabaran kepada rakyat Malaysia, keupayaan mengurus kewangan dengan berkesan menjadi semakin penting.

Dalam keadaan komitmen kewangan yang semakin kompleks, peranan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bukan sekadar membantu individu yang berdepan masalah hutang, tetapi turut memperkukuh kesedaran serta daya tahan kewangan masyarakat.

Hutang bukan semestinya menjadi penghalang kepada kesejahteraan kewangan, sebaliknya pengurusan yang betul, disiplin dan tindakan awal mampu membantu individu kembali membina kestabilan kewangan.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **HENDRA WINARNO**, menemu bual Ketua Pendidikan Kewangan Isi Rumah AKPK, **NIRMALA M. SUPRAMANIAM** bagi mengupas isu keterhutangan masyarakat, kesan penipuan kewangan terhadap mangsa serta pendekatan berkesan dalam memperkukuh pengurusan kewangan rakyat.

REVOLUSI TIGA TERAS: LEBIH DARIPADA SEKADAR RAWATAN

UTUSAN: Sejauh manakah persepsi bahawa AKPK ialah 'talian hayat terakhir' bagi mereka yang berdepan masalah hutang adalah tepat?

NIRMALA: Tanggapan itu tidak salah, tetapi sangat terhad. Memang benar kami menyelamatkan mereka yang sesak melalui Program Pengurusan Kredit (PPK).

Setakat Disember 2025, lebih 640,000 individu telah kami bantu menyusun semula komitmen mereka mengikut kemampuan aliran tunai semasa. Namun, itu hanyalah satu daripada tiga fungsi teras kami.

Kami juga berdiri teguh atas teras Khidmat Nasihat Kewangan yang telah memanfaatkan lebih 1.5 juta rakyat untuk merancang bajet yang sihat, serta teras Pendidikan Kewangan sebagai langkah pencegahan.

Ini demi melahirkan masyarakat yang celik wang pada setiap fasa kehidupan. Perlu ditegaskan, kesemua khidmat profesional ini adalah 100 peratus percuma, telus dan tanpa ejen pihak ketiga.



AKPK bukan sekadar bantu individu menyelesaikan masalah hutang namun kembali membina kestabilan kewangan. - GAMBAR HIASAN

ANATOMI PERANGKAP KEWANGAN: GAYA HIDUP VS KOS SARA HIDUP

Sejauh manakah isu keterhutangan di negara ini semakin membimbangkan dan apakah punca utama di sebalik masalah kewangan yang dihadapi rakyat?

Keterhutangan tidak mengira sesiapa, ia boleh menyerang sesiapa sahaja.

Jika kita membedah faktornya, ia merupakan kombinasi tekanan luaran seperti kos sara hidup dan jerat tingkah laku dalaman seperti budaya FOMO (takut terlepas peluang) dan YOLO (hidup hanya sekali).

Ramai tewas bukan kerana tidak cukup pendapatan, tetapi kerana kecenderungan berbelanja mengikut emosi melalui kemudahan kredit mudah seperti kad kredit dan Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL) demi memenuhi kehendak gaya hidup.

Fenomena lari mengejar trend yang tiada penghujung ini dikupas dengan sangat mendalam menerusi siri penulisan kreatif dalam laman web kami, "AKPK's Cents: Catch Me If You Can".

Ia membongkar realiti bagaimana kita sering kali cuba 'berlari' lebih laju daripada jerat hutang demi sebuah persepsi media sosial, sedangkan tanpa disiplin yang ketat, hutang tersebut akhirnya akan menangkap kita kembali dan menggadaikan ketenangan jiwa.

Keadaan menjadi lebih parah dengan ancaman luar biasa jenayah scam kewangan.

Sebagai contoh, pada 2025 sahaja, dianggarkan 1,700 individu menjadi mangsa penipuan skim pelaburan dan pinjaman tidak sah oleh sebuah platform tidak bertanggungjawab, melibatkan kerugian melebihi RM100,000 seorang.

"RAMAI TEWAS BUKAN KERANA TIDAK CUKUP PENDAPATAN, TETAPI KERANA KECENDERUNGAN BERBELANJA MENGIKUT EMOSI MELALUI KEMUDAHAN KREDIT MUDAH."

Jadi, di sinilah peranan AKPK tampil dengan Khidmat Nasihat Kewangan Khas untuk merawat semula luka kewangan para peserta terbabit.

KESAN DOMINO: KESIHATAN MENTAL DAN INTEGRITI KERJAYA

Apabila kewangan seseorang mula terjejas, apakah petanda awal yang wajib dikesan sebelum terlambat dan sejauh manakah impaknya kepada produktiviti kerja?

Jangan abaikan tanda amaran ini iaitu poket sentiasa kering untuk keperluan asas, kerap culas membayar komitmen bulanan, menggunakan kad kredit hingga had maksimum dan mula 'gali lubang, tutup lubang' menggunakan pinjaman baharu.

Krisis ini bukan sekadar angka, namun ia racun senyap yang menyerang emosi dan mental.

Kajian kami mendedahkan 41 peratus pekerja mengakui tekanan kewangan menjejaskan kesihatan mental mereka, manakala 65 peratus mengakui prestasi kerja mereka merosot.

Hubungan ini sangat nyata melalui kajian 'AKPK From Nine to Five: Navigating Employees Financial Well-Being at the Workplace'.

Ia menunjukkan pekerja yang mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang baik mencatatkan skor produktiviti yang jauh lebih tinggi (8.50) berbanding dengan mereka yang dalam tekanan (7.25).

Dalam kes yang ekstrem pula keterdesakan kewangan boleh menjadi faktor risiko yang menggugat integriti dan standard etika di tempat kerja.

FORMULA EMAS "4A" UNTUK KAWAL KEMBALI KEWANGAN

Apakah talian hayat dan tip praktikal yang boleh diamalkan segera oleh orang ramai hari ini?

Langkah paling utama adalah mereka harus bertindak awal dan jangan tunggu sehingga rekod CCRIS atau CTOS terjejas atau tindakan mahkamah bermula.

Bagi yang memerlukan intervensi yang berstruktur, Program Pengurusan Kredit (PPK) sedia membantu dengan syarat komitmen pinjaman di bawah RM5 juta, belum muflis dan mempunyai baki pendapatan bersih yang positif.

Sebagai panduan, individu boleh mengamalkan Formula 4A dalam menguruskan kewangan dengan lebih berdisiplin.

Langkah pertama ialah Akui kedudukan kewangan sebenar dengan bersikap jujur terhadap kemampuan diri serta tidak menafikan sekiranya berdepan masalah kewangan.

Seterusnya, analisis corak perbelanjaan dengan menyediakan belanjawan yang realistik serta menjejaki aliran keluar masuk wang bagi mengetahui ke mana setiap perbelanjaan disalurkan.

Langkah ketiga adalah aksi, iaitu mengambil tindakan dengan mengurangkan perbelanjaan tidak perlu, meningkatkan simpanan dan membina disiplin kewangan yang lebih kukuh.

Akhir sekali, AKPK menyarankan orang ramai mendapatkan bantuan seawal mungkin bagi mendapatkan panduan serta penyelesaian kewangan yang sahih dan profesional sebelum masalah hutang menjadi lebih serius.